



EMBARGO: Tidak boleh dicetak atau disiarkan di mana-mana platform media sosial sebelum jam 11 pagi, 3 Jun 2025

Untuk Terbitan Media
3 Jun 2025

SIARAN MEDIA

PERKESO PERKUKUH USAHA BANTERAS PENIPUAN FAEDAH

ALERT : LEBIH RM48.64 JUTA DANA DISELAMATKAN SEJAK 2020

KUALA LUMPUR: Sebagai peneraju perlindungan keselamatan sosial negara, Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO) terus memperkukuh integriti sistemnya melalui pendekatan proaktif demi membanteras penipuan faedah.

Berdasarkan perangkaan dari 2020 hingga April tahun ini, sebanyak 679 kes disyaki melibatkan unsur penipuan disiasat secara aktif, sekali gus mencerminkan komitmen berterusan PERKESO ke arah aspek ketelusan dan keadilan dalam pengagihan manfaat kepada pencarum yang layak.

Siasatan tersebut merangkumi pelbagai skim termasuk Faedah Hilang Upaya Sementara (FHUS), Faedah Hilang Upaya Kekal (FHUK), Skim Keilatan serta Program Saringan Kesihatan (HSP).

Menteri Sumber Manusia, YB Steven Sim Chee Keong, mendedahkan bahawa usaha PERKESO mengekang jenayah penipuan faedah berjaya menyelamatkan dana keselamatan sosial dalam jangka panjang, mencecah lebih RM48.64 juta.

“Kejayaan ini dicapai hasil siasatan sehingga membawa kepada keputusan menggantung 383 kes atau 56.5 peratus daripada keseluruhan yang disiasat, sekali gus mencerminkan bahawa tadbir urus dan tata kelola yang tegas mampu memberi impak besar terhadap kecekapan sistem,” katanya.

Beliau berkata demikian ketika menyampaikan ucapan perasmian *Seminar on Fraud, Evasion and Error in Social Security and Insurance Claims*, anjuran PERKESO dengan kerjasama Pemeriksa Perubatan Bebas Lembaga Amerika (ABIME), di sini, hari ini.

Turut hadir, Pengerusi Lembaga PERKESO, Dato' Sri Subahan Kamal; Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan PERKESO, Dato' Sri Dr. Mohammed Azman Aziz Mohammed dan Presiden merangkap Pengasas ABIME, Prof Dr. Mohammed Ranavaya.

Seminar dihadiri lebih 400 peserta ini menghimpunkan pelbagai pihak berkepentingan termasuk barisan panel Lembaga Perubatan, ahli Lembaga Jemaah Rayuan, wakil agensi penguat kuasa dan syarikat insurans.

Penganjuran ini dilihat signifikan dalam mendepani cabaran penipuan tuntutan, kelemahan sistem dan amalan tidak beretika yang mengancam kelangsungan sistem perlindungan sosial.

Mengulas lanjut, Steven Sim berkata penipuan faedah bagaimanapun kekal menjadi cabaran apabila kerugian mencecah RM2.1 juta masih direkodkan sepanjang 2024 yang berpunca daripada tuntutan tidak sah.

“Dalam usaha berterusan mengekang ketirisan dana, PERKESO juga menyemak semula Elaun Layanan Sentiasa (ELS) bagi memastikan kelayakan penerima disahkan secara berterusan.

“Sepanjang tempoh dari 2020 hingga April lalu, sebanyak 509 kes ELS disemak, dengan 117 kes atau 22.9 peratus dicadangkan digantung, sekali gus menyaksikan penyelamatan dana keselamatan sosial untuk jangka panjang menjangkau lebih RM12.2 juta,” katanya.

Steven Sim menegaskan bahawa jenayah penipuan adalah pelanggaran perundangan sehingga berupaya menghakis kepercayaan awam terhadap institusi yang ditubuhkan demi menjaga kebajikan pekerja memandangkan sumber dana diseleweng daripada golongan memerlukan.

“Cabaran penipuan kini bersifat global, didorong oleh mobiliti buruh dan perkhidmatan rentas sempadan, justeru Malaysia perlu mengamalkan rangka kerja pencegahan menyeluruh meliputi pembaharuan undang-undang, penguatkuasaan tegas, inovasi digital dan komunikasi secara telus.

“Kementerian Sumber Manusia (KESUMA) komited sepenuhnya dalam menerajui pembaharuan sistem sosial negara dengan melibatkan seluruh ekosistem berkaitan.

“Oleh itu, saya berharap seminar ini menjadi pemangkin kepada integriti sistem keselamatan sosial yang lebih utuh dan berdaya tahan,” katanya.

Dalam pada itu, Steven Sim turut mengumumkan Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan PERKESO, Dato' Sri Dr. Mohammed Azman telah menerima anugerah The Lifetime Fellowship of the American College of Independent Medical Examiners (FACIME) dan Master Certified Independent Medical Examiner.

Menurutnya, penyampaian anugerah itu turut disaksikan Presiden dan Pengasas American Board of Independent Medical Examiner (ABIME), United States of America, Prof Mohammed Ravanaya, yang mana ia merupakan pencapaian mengiktiraf sumbangan Dr Mohammed Azman dalam bidang perubatan hilang upaya dan kesihatan pekerjaan.

Jelasnya, FACIME merupakan kelayakan tertinggi dalam Bidang Perubatan Hilang Upaya, yang diberikan hanya kepada mereka yang telah mencapai tahap tertinggi dalam pengetahuan, kemahiran, dan kebolehan sebagai seorang Pemeriksa Perubatan Bebas yang berkualiti.

“Anugerah ini bukan sahaja satu penghormatan kepada Dato' Sri Dr. Mohammed Azman dan PERKESO tetapi juga satu kebanggaan kepada KESUMA dan Malaysia, menunjukkan bahawa profesional tempatan mampu mencapai pengiktirafan tertinggi di peringkat antarabangsa,” katanya.

##TAMAT##

Mengenai PERKESO

PERKESO, agensi Kerajaan yang menyediakan perlindungan sosial kepada pekerja swasta, Badan Berkanun/Kerajaan, bekerja sendiri dan suri rumah serta tanggungannya daripada keadaan luar jangka. Ia merangkumi kemalangan, hilang upaya, penyakit, kematian dan kehilangan pekerjaan. Perlindungan ini berkonsepkan insurans sosial dengan prinsip 'Prihatin' dan 'tiada yang terpinggir'. PERKESO beroperasi di 54 Pejabat, 5 Pusat Rehabilitasi dan 294 MYFutureJobs One Stop Center di Malaysia. Layari www.perkeso.gov.my atau hubungi Pusat Khidmat Pelanggan 1300 22 8000.

Dikeluarkan oleh:

**Bahagian Komunikasi dan Hal Ehwal Korporat
3 Jun 2025**

Untuk pertanyaan media, sila hubungi:

Iklil Fatihah

+6019-3273193

fatihah.redzuan@perkeso.gov.my

Ridauddin Daud

+6019-3265772

ridauddin.daud@perkeso.gov.my